

12 JUL 2001

MAHATHIR-ASEAN

EKONOMI-EKONOMI ASEAN HENDAKLAH BEKLAJAR BERSAING

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi-ekonomi Asean mestilah belajar hidup dan bersaing di pasaran yang menjadi kian kompetitif oleh kuasa-kuasa globalisasi dan liberalisasi.

Kerajaan-kerajaan Asean, khususnya, terpaksa berhadapan dengan cabaran-cabaran yang ditunjukkan oleh perkembangan pesat perniagaan elektronik (e-niaga), katanya di dalam prakata buku program cenderamata Mesyuarat Peringkat Menteri Telekomunikasi Asean Pertama/(TELMIN)/ Mesyuarat Kedua Pegawai-pegawai Kanan Telekomunikasi Asean (TELSOM).

Menteri-menteri Telekomunikasi Asean itu akan berbesyuarat di sini esok. Semalam TELSOM Kedua dia dakan di mana pegawai-pegawai kanan Telekomunikasi Asean bertemu untuk membincangkan beberapa isu yang berkaitan dengan pembangunan sektor komunikasi.

Dr Mahathir berkata: "Kita perlu menangani isu-isu seperti percukaian barangan dan perkhidmatan yang dijual secara elektronik, perlindungan pengguna, penyatuan rangka kerja kawal seliaan dan pengujudan satu persekitaran yang dipercayai bagi perdagangan untuk makmur.

Perdana menteri berkat bahawa ekonomi-ekonomi Asean mestilah berusaha mengujudkan tarif rangkaian kompetitif dan capaian alat-alat lebih murah dan juga bilangan rakyat yang kian bertambah dan juga bilangan rakyat yang mempunyai laluan kepada Internet dan dengan itu mengujudkan jisim kritikal yang perlu bagi e-dagang untuk berkembang.

Asean mengumpulkan Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, the Philippines, Singapore, Thailand and Vietnam.

Dr Mahathir berkata bahawa dengan menangani isu-isu itu dengan berkesan, Asean boleh menyumbang dengan besar ke arah mengurangkan jurang digital dan mengadakan prasyarat bagi bergerak ke hadapan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Beliau berkata Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi Asean itu boleh memainkan peranan penting menangani dan menyelesaikan banyak isu.

"Tugas adalah berat dengan semangat kerjasama yang telah memandu semua perbincangan di dalam forum Asean setakat ini, saya pasti kita akan dapat mengatasi banyak halangan yang mungkin merintang kira.

Dalam jangka panjang, Dr Mahathir berkata, adalah memanfaatkan Asean supaya menemui cabaran-dabaran dan kekal kompetitif untuk sejajar dengan kemajuan global.

Pada mesyuarat sulungnya itu, Dr Mahathir berkata ia bukan sahaja tepat pada masanya tetapi relevan memandangkan bahawa Asean sebagai satu rantau sedang menumpukan kepada bagaimana mengubah dirinya menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan.

Katanya pertumbuhan yang rancak Internet, disamping penyatuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), ia sedang pesat mengubah lanskap ekonomi dan kemasyarakatan negara-negara termasuk Asean.

"Revolusi digital ini sedang mengubah tanpa sekatan cara perniagaan diurus niagakan dan cara kerajaan-kerajaan, perniagaan, peniaga-peniaga dan cara kerajaan-kerajaan, perniagaan-perniagaan dan orang ramai berinteraksi," tambahnya.

Ide forum Menteri-menteri Telekomunikasi Asean pertama kali diilhamkan pada Mac 2000 semasa mesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri Telekomunikasi Asean pada TELMIN APEC di Cancun, Mexico.

Berikutan keputusan Cancun itu, TELSOM Asean pertama diadakan di Brunei

pada Oktober 2000. TELSOM pertama itu meletakkan asas bagi TELMIN pertama akan diadakan di Kuala Lumpur. -- BERNAMA

MKO SEL OS